

Banjir besar dijangka landa utara Sarawak

MIRI: Banjir besar dijangka melanda kawasan utara Sarawak terutama di Baram, Niah dan Suai, jika hujan lebat berterusan bagi tempoh beberapa hari lagi.

Berikutan itu, Pejabat Residen Miri meminta semua agensi bantuan serta pasukan keselamatan terbabit mengambil langkah berjaga-jaga termasuk memantau kawasan yang rendah.

Jurucakapnya berkata, walaupun ketika ini belum ada kawasan di utara Sarawak dilanda banjir, penduduk perlu berjaga-jaga dan sedia dipindahkan jika keadaan memerlukan.

“Berdasarkan ramalan cuaca, kita menjangkakan hujan berterusan beberapa hari lagi dengan banyak kawasan rendah yang sebelum ini pernah mengalami banjir berisiko dinaiki air lagi,” katanya kepada *Berita Harian*.

Tahun lalu, beberapa kawasan penempatan penduduk sekitar Miri mengalami banjir teruk, khususnya di kawasan berhampiran pantai seperti di Suai, Niah, Bekenu serta beberapa kampung masyarakat Orang Ulu di Baram.

Sementara itu, Pegawai Tadbir Daerah Niah, George Tan berkata, ketika ini belum ada kawasan di daerah itu dilanda banjir.